



UPM mahu dikenali universiti bertaraf dunia

Perkuatkan jalinan kerjasama dengan pelbagai institusi luar negara

Oleh Haryani Ngah
aryani@bharian.com.my

MEMPERLUASKAN jaringan kolaborasi dengan rakan dari negara luar adalah antara usaha yang dilaksanakan oleh UPM dalam membina keupayaan atau mengembangkan teknologi bagi membolehkannya menjana teknologi baru bagi menyumbang kepada kemakmuran ekonomi serta kesejahteraan negara.

Ini juga menjadi landasan kepada UPM untuk memperkayakan ilmu serta mengeksplor peluang baru di dalam dan luar negara.

Sehingga September 2008, UPM menjalankan hubungan dengan 50 universiti luar negara seperti Australia, Perancis, Jerman, Jepun, Korea, New Zealand, Amerika Syarikat, United Kingdom dan lain-lain.

UPM juga menjalankan rangkaian dengan lebih 100 institusi dalam negara membabitkan sektor kerajaan dan swasta



meliputi pelbagai aktiviti penyelidikan dan pengajaran.

Sekalipun mempunyai daya saing yang kuat dan lestari tetapi diakui bahawa nama UPM belum cukup dikenali sebagai universiti bertaraf dunia, menjadikan UPM terpaksa berdepan dengan cabaran persepsi global yang kurang yakin mengenai keupayaannya dalam menyediakan persekitaran pengajian tinggi setanding institusi keilmuan bertaraf dunia lain.

Sehubungan itu, usaha memantapkan UPM ke satu tahap yang lebih tinggi dan

global dengan menggiatkan program penyelidikan, pendidikan dan perkhidmatan profesional perlu dilaksanakan secara lebih terancang dan mempunyai fokus yang strategik.

Dalam merealisasikan objektif itu, pemikiran secara konvensional tidak boleh terus diamalkan sebaliknya perlu bijak mengenalpasti bidang niche yang mungkin lebih fokus dan berintegrasi dalam penyelidikan, pendidikan dan khidmat profesional.

Bagi menggugat persepsi global terhadap keupayaan



UPM adalah dengan mewujudkan dan meluaskan hubungan UPM dengan komuniti nasional dan global secara menyeluruh dan merentasi pelbagai sempadan organisasi serta diyakini bahawa hubungan itu dapat memberi impak kepada nilai pengantarabangsaan UPM.

Untuk itu hubungan sedia ada UPM dengan institusi dalam dan luar negara diperkuatkan, manakala jalinan baru dijalankan bagi membentuk kesepakatan dalam memenuhi pelbagai kepentingan.

Melalui strategi pengukuhan, UPM mengkaji semula perkembangan kerjasama dan melaksanakan pemantauan prestasi Perjanjian Bersama (MoU)/ Memorandum Perjanjian (MoA) dengan institusi yang terbabit supaya mencapai hasrat yang dipersetujui bersama.

Pemantauan prestasi MoU/MoA dilaksanakan dengan lebih aktif dan menepati matlamat yang disasarkan supaya jalinan yang terbentuk dapat mewujudkan integrasi dalam penjanaan pengetahuan dan inovasi.

